

# Masyarakat Madani Dalam Kerangka Teori Masyarakat Umrani: Satu Kajian Perbandingan

Oleh: Dr. Mahayudin Haji Yahya

## ABSTRACT

**WHAT** constitutes civil society? This article attempts to underscore the meaning of the term *madani*, which etymologically has the same root with the term *din* that connotes the meaning of religion of Islam. Thus, by this definition civil society is the manifestation of being in submission or subservient to the will of God. It is also from this that the term *madinah* is derived, meaning "a city" which distinguishes from the rural living, that has all the requisites of public amenities such as administration, education, social and public health. Yet there is another complementary term that explains the meaning of civil society. The term *umran*, coming from the root *a ma ra*, literally means "overflowed", denoting an area which is densely populated, not only it is characterized by a high population but also with the existence of economic activities such as farming, industries, trading and the like. What is more important is that, the factors that contribute to the emergence of *umran*. Al-Farabi in his illustrious work entitled *al-madinah al-fadilah* contends that it is the cooperation and collaboration of the individual that really matters. This cooperation must be ubiquitous in nature, i.e., it transcends all social strata. In a wider sense *umran* embraces both the societal and civilizational

*dimensions. The former denotes the process, while the latter is more of the product of the former. In other words, civilization is the product of human endeavors deemed to be worthy of humankind. Human endeavors considered to be worthy are among others include cooperation, progressive development, involvement in extensive agricultural activities, knowledge in agriculture, manufacture and trading and above all the strive to uphold a stable, strong government based on justice and rule of laws in consonant with the Islamic law-the shariah.*

## **PENDAHULUAN**

Di akhir-akhir ini ramai yang bercakap tentang Masyarakat Madani dan beberapa artikel telah pun diterbitkan dalam majalah, surat khabar dan buku.<sup>1</sup> Setelah buku itu timbul pula polemik tentang makna “Madani” yang berasal dari akar kata *da na* bererti *din* atau agama atau akar kata *ma da na* bererti Madinah atau kota/bandar. Dari dua akar kata yang berbeza ini telah membawa tafsiran yang berbeza pula tentang makna Masyarakat Madani.<sup>2</sup> Setakat ini belum ada penyelesaian atau huraian lengkap bagi kedua-dua tafsiran tersebut, malah telah menimbulkan kekeliruan dan kekaburan disebabkan kelemahan hujah yang meyakinkan di satu pihak dan kekurangan sumber rujukan bagi menyokong hujah-hujah yang dikemukakan di pihak lain.

Rencana ini bertujuan untuk memberi penjelasan yang lebih lanjut tentang makna perkataan “madani” di samping mengemukakan suatu istilah baru dianggap yang lebih sesuai dengan keperluan masyarakat di negara ini. Dengan kemunculan istilah baru ini diharapkan akan dapat menghilangkan rasa kekeliruan tentang makna Masyarakat Madani dan seterusnya dapat membantu memperkukuhkan bidang sains sosial.

## **ISTILAH MADANI: SUATU GAGASAN**

Dari segi etimologi, Syed Muhamad Naquib Al-Attas telah mengemukakan suatu gagasan tentang makna “Madani” berasal dari akar kata “din” atau agama. Untuk membuktikan gagasannya, beliau membuat beberapa hipotesis dengan merujuk kepada Kota Madinah. Menurut beliau,

“sebelum Nabi berpindah ke bandar yang diberi nama Madinah itu, tempat tersebut bernama Yathrib..... Perubahan nama kepada Madinah mempunyai makna yang penting dan mendalam. Madinah bermaksud tempat di mana *din* dijelmakan dan diamalkan dengan sempurna”..... Dan “dari perkataan Madinah tadi juga lahir perkataan tamaddun iaitu tempat di mana masyarakatnya telah mencapai taraf insaniah yang luhur, di mana ada tatususila, hukum dan undang-undang, di mana ada penguasa atau pentadbirannya yang juga mempunyai hikmah yang mampu melaksanakan keadilan.”<sup>4</sup>

Dari huraian itu tadi dapatlah disimpulkan bahawa Al-Attas cenderung untuk mengatakan bahawa istilah “madani” berasal dari kata dasar *da na* dan kata terbitnya *dinan* atau *diyanatan* bermakna agama (tunduk dan patuh)<sup>5</sup>. Beliau maksudkan dengan *din* (agama) di sini ialah agama Islam. Oleh kerana Islam mempunyai tatususila, hukum dan undang-undang yang luhur, maka kota Yathrib menjadi pusat pemerintahan Islam yang pertama ditukar namanya kepada Madinah mengambil sempena perkataan *din* yang diamalkan dengan sempurna di kota tersebut.<sup>6</sup>

Pendapat kedua menyatakan bahawa perkataan ‘Madani’ berasal dari akar kata *din* (agama). Masyarakat Madani ialah masyarakat yang tinggal di kota- dalam bentuk umum tidak merujuk secara khusus kepada kota Madinah tempat tinggal Nabi Muhammad s.a.w. Mengikut teori ini masyarakat kota merupakan masyarakat yang lebih maju dan lebih bertamadun berbanding masyarakat di desa kerana mempunyai ciri-ciri kemajuan dan ketamadunan dari segi pentadbiran, pendidikan, ekonomi, agama dan sebagainya.<sup>7</sup> Umumnya ia lebih mirip kepada masyarakat bandar atau masyarakat moden yang sering diterjemahkan sebagai *Civil Society*.<sup>8</sup>

Persoalan pertama yang ingin saya timbulkan di sini ialah mengenai perkataan ‘*din*’. Di dalam al-Qur’an Allah berfirman yang bermaksud: “Bagi kamu (kaum Musyirikin) agama kamu, bagi aku (Nabi Muhamad s.a.w.) agama aku”.<sup>9</sup>

Daripada ayat ini jelas bahawa yang dimaksudkan dengan ‘*din*’ ialah kepercayaan agama, menyembah berhala dan agama Islam. Dengan kata lain, bahawa *din* merupakan istilah umum yang boleh dikaitkan dengan mana-mana agama di dunia yang diistilahkan dalam bahasa Inggeris,

*religion*. Saiyid Qutb, ketika mentafsirkan ayat ini memberi gambaran yang serupa tentang makna '*din*'.<sup>10</sup> Ayat ini diturunkan sewaktu Nabi Muhammad s.a.w. berada di kota Makkah. Akan tetapi selepas Nabi berpindah ke Madinah perkataan *din* bertukar kepada *al-din*. Firman Allah yang bermaksud, "Sesungguhnya *al-Din* disisi Allah hanyalah al-Islam".<sup>11</sup> Perbezaan antara *din* pada ayat pertama dengan *al-din* pada ayat kedua menurut satu pendapat ialah penambahan partikal 'al-' (atau dalam bahasa Inggeris 'the') yang memberi makna khusus iaitu agama Islam, sementara *din* (tanpa partikal al-) merujuk kepada semua agama.<sup>12</sup> Perbezaan antara *din* dengan *al-din* samalah antara *Madinah* dengan *al-Madinah*. *Madinah* merujuk kepada mana-mana juga bandar/kota di dunia, manakala *al-Madinah* merujuk kepada *al-Madinah al-Munawwarah*, tempat tinggal Nabi Muhammad s.a.w. walau bagaimanapun kaedah ini belum cukup kukuh untuk membuktikan perbezaan makna antara kedua-dua istilah tersebut kerana terdapat beberapa ayat al-Quran yang menyebut *din* tanpa partikal *al-* tetapi merujuk kepada agama Islam atau cara hidup Islam) dan *al-Madinah* (dengan partikal *al-* merujuk kepada kota lain dari kota Madinah, tempat tinggal Nabi Muhammad s.a.w. sebagai contoh, lihat surah al-A'raf 7:123 ).

Oleh kerana persoalan ini menyentuh soal bahasa dan sejarah, maka sumber yang digunakan di sini mestilah sesuai dengan bidang kajian bagi memastikan maksud sebenar perkataan 'Madani'.

## **MADANI: DARI SEGI BAHASA**

Oleh kerana perkataan 'Madani' merupakan perkataan Arab, maka sumber rujukan kepada asal usul perkataan tersebut mestilah dirujuk kepada kamus-kamus bahasa Arab. Apa yang saya dapat kesan dan sempat lihat beberapa buah kamus bahasa Arab yang penting seperti *Lisān al-Arab* oleh Ibn Manzur, *Majma' al-Bahrain* oleh Fakh al-Din al-Tarhi, *Tahdhīb al-Lughah* oleh Abu Mansur Muhammad bin Ahmad al-Azhari, *Qamus al-Alfāz wa al-'alām al-Qur'āniyah*, disunting oleh Muhammad Isma'il Ibrahim, *Mu'jam al-Wasit* disunting oleh Abdul Salam Harun, didapati bahawa perkataan 'Madani' ialah nisbah kepada Madinah dari akar kata *ma da na* yang bermaksud 'orang yang tinggal di Madinah'. Menurut

Abu Mansur al-Azhari, yang dimaksudkan dengan madinah di sini ialah kota atau bandar yang mempunyai binaan dan benteng pertahanan yang kukuh.<sup>13</sup> Orang yang tinggal di Madinah di panggil 'Madani' ( مَدَنِي ), sementara yang tinggal di al-Madinah (kota Nabi Muhammad s.a.w. di panggil 'Madaniyyun' ( مَدَنِي ). Menurut beliau lagi istilah 'Madani' adalah nisbah kepada manusia (masyarakat), sementara binatang atau makhluk lain seperti burung yang tinggal di Madinah di panggil 'Madiniyah'.<sup>14</sup>

Menurut *Mu'jam al-Wāsit*, apabila seseorang tinggal dan hidupnya seperti orang di kota/bandar dengan ciri-ciri kemajuan dan kemakmuran, maka ia digelar orang yang bertamadun.<sup>15</sup> Dalam kamus Arab moden seperti *A Dictionary of Modern Writing Arabic* karangan Hans Wehr dan disunting oleh J. Milton Cowan turut menyatakan makna perkataan 'Madani'. Menurut Hans Wehr, perkataan 'madani' memberi maksud orang bandar, orang hidup di bandar (urbanized), orang yang bertamadun, orang awam, sekular. Ia berasal dari akar kata *ma da na*: pembinaan bandar, perbandaran dan tamadun; *Tamaddana*: bertamadun; *tamadyana*: menikmati tamadun yang terdapat di bandar/kota (Madinah). Dari akar kata *ma da na* jugalah datang istilah 'madaniyah' dan 'tamadun' memberi maksud 'peradaban' (civilization) dan 'mutamaddin' (bertamadun).<sup>16</sup>

Dari sumber dan rujukan di atas nyatalah bahawa perkataan 'Madani' merujuk kepada bandar dan kehidupan di bandar (*Mādinah*) yang mempunyai ciri-ciri kemajuan dari segi kebendaan (sekular). Istilah 'Madani' memang sudah digunapakai sebagai satu istilah khusus yang memberi makna awam. (Civil) oleh masyarakat dan dunia Arab sejak dulu hingga hari ini. Sebagai contoh undang-undang sivil ( القانون المدني ) berbeza dengan undang-undang tentera ( القانون العسكري ). Dalam konteks politik di sebut sebagai politik Civil ( السياسة المدنية ) berbeza dengan politik syariah ( السياسة الشرعية ). Dalam konteks kemasyarakatan penggunaan istilah 'Madani' sebagai sifat kepada masyarakat Islam atau Arab adalah tidak jelas, tidak seperti di Barat, mereka sudah memakai istilah 'Civil Society' yang boleh diterjemahkan sebagai 'Masyarakat Madani'. Istilah ini dicipta oleh orang Yunani dan dipakai oleh masyarakat Barat hari ini.

## MADANI: DARI SEGI SEJARAH PENGUNAANNYA

Dari segi sejarahnya, istilah 'madani' sudahpun dibincangkan oleh tokoh-tokoh dan ahli-ahli falsafah Yunani seperti Plato (427-347 S.M.) dan Aristotle (384-322 S.M.).

Plato ketika membincangkan konsep kota atau negara dalam buku *The Republic* menyatakan terjemahannya: "*The origin of city I said is, in my opinion, due to fact that no one of us is sufficient for himself, but each is in need of many things*".<sup>17</sup>

Walaupun Plato tidak menggunakan perkataan 'madani' (*civil*) dalam kata-kata yang diterjemahkan itu, tetapi jelas menunjukkan bahawa beliau telah mengaitkan istilah bandar/kota (*city*) dengan kerjasama masyarakat; tanpa kerjasama itu tidak akan wujud bandar atau kota.

Begitu juga Aristotle, sebagai anak murid Plato, turut membahaskan tentang kewujudan bandar/kota. Sebagai pakar sains, Aristotle memfokuskan pemikirannya kepada makhluk yang bernyawa seperti manusia dan haiwan. Semua bentuk kehidupan dikaji bagi tujuan mengelaskan makhluk yang hidup menurut satu sistem yang dinamakan *scala natura*.<sup>18</sup> Oleh itu beliau dianggap sebagai ahli biologi ulung dan orang yang pertama memperkenalkan konsep 'madani'.<sup>19</sup> Kata-kata Aristotle mengenai istilah 'madani' dipetik dan diterjemahkan oleh Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* dengan katanya dalam bahasa Arab: *Anna al-ijtima' al-insāni darūri. Wa yu'abbiru al-Hukamā' 'an hādha bi-qawlihim: 'al-insan madani bi al-tab'i' ayy, labudda lahu min al-ijtimā' alladhī huwa al-madaniyah fi istilāhihim wahuwa mana al-'umran'*. Terjemahannya: Sesungguhnya bermasyarakat bagi manusia itu perlu. Para Hukama' (merujuk kepada ahli-ahli falsafah, termasuk Aristotle) telah menyatakan hal ini dengan berkata: "Sesungguhnya manusia adalah makhluk sosial (Homo-Socius) secara semulajadi", yakni, manusia perlu bermasyarakat dan itulah yang sebenarnya *al-Madaniyah* pada istilah mereka (Hukama') itulah juga makna *al-'Umran* (pada istilah Ibn Khaldun).<sup>20</sup>

Tidak syak lagi bahawa perkataan 'Madani' menurut pandangan ahli-ahli falsafah Yunani, termasuk Aristotle yang dipetik dan dialih bahasa

oleh Ibn Khaldun itu tadi berpunca dari perkataan *Madinah* dan *Madaniyah* dan bukan dari perkataan *din* atau *diniyah*. Dari perkataan *Mada'niyah* lahirlah istilah 'madani' atau masyarakat bandar/kota dan bukan dari perkataan *Madaniyyun*<sup>21</sup> atau masyarakat kota al-Madinah al-Munawwarah, seperti yang dijelaskan sebelum ini kerana ia disebut *madani* (tanpa partikal al-).

*Madaniyah* adalah nama khas yang memberi maksud 'hadarah' (kemajuan dari segi fizikal) atau civilization yang merujuk kepada kemajuan di bandar/kota (dalam konteks moden). *Madaniyah* yang bersifat kemajuan dari segi fizikal (sekular) ini memang sudah diamalkan oleh masyarakat Yunani. Kehidupan dan sosiobudaya orang-orang Yunani adalah berbentuk materialistik, hinggakan dalam bidang keagamaan. Orang-orang Yunani melihat Tuhan dalam bentuk rupa sifat yang boleh digambarkan dalam berapa keadaan; konsep 'cantik' (beauty) dan kasih (love) yang terjelma dalam jiwa dan daya-rasa manusia yang boleh menaikkan perasaan berahi adalah menjadi aspek penting dalam agama dan kepercayaan mereka. Dengan sebab itu kita sering melihat banyak patung manusia yang melambangkan seks di bandar-bandar penting Yunan. Ringkasnya, bolehlah dikatakan bahawa kepercayaan agama di sisi orang-orang Yunani tidak mempunyai unsur-unsur moral.<sup>22</sup>

Fenomenon kehidupan masyarakat Islam sudah tentu berbeza dari fenomena masyarakat Yunani. Untuk menyatakan perbezaan inilah maka Ibn. Khaldun, sebagai seorang Muslim dan ulama, mencipta suatu istilah baru yang dipanggil 'Umrān'. Dari istilah inilah beliau menghuraikan teori sosialnya sehingga terbentuk suatu ilmu yang dikenali 'ilmu al-'Umrān (dalam istilah moden ilmu sosiologi). Berdasarkan ilmu inilah beliau berjaya menghuraikan segala fenomena sosial persoalan yang dihadapi masyarakat Islam dari segi ekonomi, politik dan sosial.

Walau pada peringkat awalnya beliau bertitik tolak dari aspek biologi atau fizikal (menurut tabiat kejadian manusia semulajadi) sepertimana yang dilakukan oleh Aristotle dan Galenus dalam bukunya *De Usu Partium* (fungsi anggota-anggota badan),<sup>23</sup> akan tetapi pada penyelesaian terakhirnya beliau menjurus kepada ajaran agama Islam yang bersifat 'global'. Walaupun kita katakan tadi bahawa Ibn Khaldun telah memetik kata-kata 'Hukama' (ahli-ahli falsafah Yunani) dan bersetuju bahawa

'manusia merupakan makhluk sosial semulajadi', ini tidak bererti bahawa beliau bersetuju dengan mereka dalam semua hal, termasuk mewujudkan sebuah masyarakat bandar yang bercirikan kehidupan sekular yang dikenali 'masyarakat Madani' (*Civil society*) itu kerana pada masa yang sama, beliau mengemukakan hebat pandangan ahli-ahli falsafah Yunani, seperti mana yang dilakukan oleh Imam al-Ghazali (m. 1111M) sebelumnya.<sup>24</sup> Dengan kata lain, Ibn Khaldun bersetuju bahawa aspek sosial dan kemasyarakatan itu perlu ada pada diri manusia untuk hidup maju dan bertamadun, tetapi tidak dalam bentuk kebendaan semata-mata. Di sinilah terletak perbezaan antara pemikiran Aristotle dalam kerangka teori *Madaniyah* atau 'masyarakat Madani' dengan pemikiran Ibn Khaldun dalam kerangka teori *Umrān* atau 'masyarakat Umrāni'.

Walaupun perkataan *Madaniyah*, mengikut istilah mereka (*fi istilāhahim*) ahli-ahli falsafah Yunani (*hukamā'*) seolah-olah koheren (wa *huwā*) atau semakna dengan *Umrān*, akan tetapi pada hakikatnya ia tidak sama. Hal ini telah pun dijelaskan oleh Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah*nya. Menurut Ibn Khaldun, istilah *Madaniyah* (madani) merujuk kepada sifat tingkahlaku manusia sebagai individu tentang keinginannya untuk berinteraksi dengan masyarakat dan alam sekelilingnya sebagai suatu sifat semulajadi sejak ia dilahirkan. Sewaktu kanak-kanak lagi ia disusu, dibelai, diasuh dan dididik oleh ibunya. Apabila menjadi remaja dan dewasa, ia berinteraksi pula dengan masyarakat dan alam yang lebih luas termasuk alam ketuhanan. Tujuannya tidak lain ialah untuk mendapatkan keperluan hidup termasuk makanan, minuman, pekerjaan dan keredaan Tuhan dan lain-lain yang diperlukan oleh manusia untuk hidup bahagia dan aman sentosa di dunia dan di akhirat (*fi al-dunyā hasanah wafi al-ākhirah hasanah*). Apabila ini berlaku maka tercetuslah kemajuan dan kemakmuran yang sebenar iaitu *Umrān*. Dengan kata lain, *Madaniyah* ialah suatu proses atau cara bagaimana manusia boleh sampai kepada matlamat kemajuan yang sebenar iaitu *Umrān*. Oleh itu, apa yang difikirkan oleh Ibn Khaldun ialah 'Masyarakat Umrāni' (*al-mujtama' al-umrāni*) atau 'masyarakat global' (*Umrān al-'alam*)<sup>25</sup> dan bukan masyarakat madani atau masyarakat bandar (*Civil Society*). 'Masyarakat Umrāni' telah dianggap oleh beberapa orang pengkaji moden sebagai 'masyarakat Islam'.<sup>26</sup>

Pemikiran yang bersifat 'global' dan sarwajagat Islam yang ada dalam pemikiran Ibn Khaldun inilah yang kurang difahami oleh kebanyakan para pengkaji Islam dan bukan Islam tentang isi kandungan *Muqaddimah* sehingga ada yang menganggap Ibn Khaldun, seorang 'humanis', 'materialis', 'positivis' dan seumpamanya. Akibat kurang faham ini juga telah menimbulkan kekeliruan sehingga mereka tidak dapat membezakan antara 'Masyarakat Madani' (*Civil society*) ciptaan orang Yunani dengan Masyarakat 'Umrani' ciptaan orang Islam yang dijelaskan oleh Ibn Khaldun.

## ISITILAH 'UMRAN

'*Umrān* berpunca dari akar kata *a ma ra* yang bermaksud melimpah ruah kerana ramai penduduk dan banyak perusahaan perniagaan, industri dan pertanian. Dari akar kata yang sama lahirnya perkataan '*Umrāni* yang bererti berkembang maju, bertamadun, berbudaya tinggi kerana adanya kerjasama, kemufakatan dan keadilan. Umumnya, '*Umrān* merujuk kepada keadaan dan suasana aman makmur, bertamadun, berilmu, kaya raya, mewah, ramai penduduk, mempunyai peluang pekerjaan dan tidak ada penganguran atau inflasi.<sup>27</sup>

Abu Nasr al-Farabi (870-951M) seorang tokoh falsafah yang sangat terkenal dalam sejarah pemikiran Islam turut membicarakan tentang sebab-sebab terbentuknya sebuah kota atau negara dalam karyanya yang terkenal berjudul *al-Madinah al-Fadilah*. Menurut beliau, sebab utamanya ialah kerana adanya kerjasama dan permuafakatan di kalangan anggota masyarakat. Persoalan ini ditimbulkan dalam suatu tajuk khas berjudul '*al-Qaul fi ihtiyāj al-insān ila al-ijtima' wa al ta 'āwun*' (perbahasan tentang betapa perlunya bagi manusia bermasyarakat dan bekerjasama). Menurut al-Farabi, kerjasama dan kemufakatan seharusnya berlaku dari peringkat yang paling bawah iaitu *manzil* (keluarga), diikuti *sakkah* (himpunan keluarga), *mahallah* (desa), *qaryah* (mukim), *madinah* (bandar/kota) *ummah* (negara) dan akhir sekali *Ma'murah* (dunia/global) atau disebut juga *Ahl al-Ma'murah* (warga dunia). Warga dunia ini disifatkan sebagai warga yang cukup besar, maju dan sempurna (*al-Kāmilah*). Ia terdiri daripada berbagai kaum, keturunan, peradaban, kepercayaan, bahasa

dan budaya yang beraneka serta miliki sifat-sifat kesempurnaan seperti bersatupadu, tolong menolong dan bermuafakat.<sup>28</sup>

Pendapat al-Farabi di atas telah menjelaskan lagi erti perkataan 'Umran' dari apa yang telah dijelaskan oleh kamus-kamus bahasa Arab dan Ibn Khaldun sendiri. Perbezaannya ialah al-Farabi menggunakan perkataan *ma'murah*, sementara Ibn Khaldun menggunakan perkataan 'Umran' bagi tujuan dan maksud yang sama iaitu kemajuan dan kemakmuran alam. Walau bagaimanapun, pendekatan yang digunakan oleh kedua-dua tokoh berkenaan adalah berbeza. Al-Farabi adalah tokoh falsafah dan seluruh kegiatan falsafahnya dilakukan untuk tujuan politik,<sup>29</sup> sementara aspek kemasyarakatan adalah bidang sampingan. Berbeza dengan Ibn Khaldun kerana beliau adalah tokoh sosiologi dan sejarah. Dengan sebab itu beliau lebih arif tentang kedua-dua istilah tersebut dan seterusnya berjaya menghuraikan dengan lebih jelas dan terperinci tentang maksud 'Umran' dan istilah-istilah yang berkaitan seperti 'Madaniyah' dan 'ijtima'. Ibn Khaldun<sup>30</sup> juga terkenal sebagai seorang sarjana Muslim yang mempunyai pemikiran kritis. Dalam buku *Muqaddimah* beliau telah buat satu pendekatan baru dalam bidang sains sosial menerusi kaedah aruhan (*al-istiqrā'*) yang sering digunakan oleh ahli-ahli sains tabi'i. Kaedah aruhan bermaksud 'melihat fakta yang khusus untuk mendapatkan fakta yang umum'. Dalam istilah sainsnya, kaedah ini merupakan suatu kajian melalui cerapan kepada natijah dan cerapan semula. Ini merupakan proses taakulan yang menghasilkan natijah daripada beberapa cerapan atau premis berdasarkan hasil penelitian (*mulahazah*) dan ujikaji (*tajribah* atau *iktibar*). Cara susunannya adalah seperti berikut:

1. penelitian dan ulangkaji
2. penelitian semula dengan menghubungkan dengan penelitian dan ulangkaji yang pertama. Proses ini diistilahkan sebagai *al-furūd* (tinjauan semula)
3. pembuktian kebenaran (*al-tahaqquq*) terhadap pencapaian melalui proses di atas.<sup>31</sup>

Tujuan beliau berbuat demikian ialah untuk mengubah kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh sarjana-sarjana Muslim tradisional yang bersifat 'naratif' dan 'deskriptif' kepada kaedah saintifik yang lebih bersifat

interpretatif dan praktikal atau bidang sosiologi kita boleh namakan 'Practical Sociology' yang melibatkan kajian tentang moral dan tingkahlaku manusia dari peringkat individu kepada kelompok menyentuh soal budaya masyarakat. Dengan cara ini segala fenomenon kehidupan sosial dapat difahami dengan lebih jelas berbanding dengan kaedah yang bersifat 'theoretical' yang melibatkan falsafah, metafizik dan teologi. Alam yang dicipta Allah Ta'ala ini perlu difahami oleh manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi supaya alam ini dapat dimaju dan dimakmurkan untuk kebaikan manusia di dunia dan di akhirat (*fi al-dunyā hasanah wa fi al-ākhirati hasanah*).

Pengkaji-pengkaji sebelum Ibn Khaldun kurang faham tentang ilmu yang dikenali sebagai ilmu sains kemasyarakatan dan kemanusiaan. Perkara ini telah dinyatakan oleh beliau sendiri dalam bab khas Muqaddimah di bawah judul '*al-Kitāb al-Awwal fi Tabi'ah al-'Umran fi al-Khāliqah*' (Bab pertama mengenai tingkahlaku masyarakat/makhluk di dunia).<sup>32</sup> Ia merupakan bahagian terpenting dalam *Muqaddimah* kerana penonjolan istilah '*Umran*' yang menjadi sasaran teori sosialnya. Bahagian-bahagian berikutnya dibahas berdasarkan teori tersebut.

Sebelum beliau membicarakan teori '*Umran*' beliau telah membentangkan pendapat tokoh-tokoh silam makna dan pengertian yang berkaitan dengan masyarakat yang maju (*hadari*) dan yang mundur (*badwi*) berdasarkan peristiwa sejarah. Tokoh-tokoh berkenaan termasuk Aristotle, Anushirwan, Bahram Bin Bahram (Parsi), al-Mas'udi, Ibn al-Muqaffa dan Abu Bakr al-Tatushi. Beliau kurang berpuas hati dengan teori-teori kemasyarakatan yang dikemukakan oleh mereka dan beliau menyifatkan teori-teori itu kabur dan tidak sampai kepada maksud '*Umran*' yang sebenar.

Hasil tinjauan dan pengalaman beliau yang luas dalam bidang sains sosial beliau telah berjaya mencipta teori baru yang dipanggil teori '*Umran*'.

## TEORI 'UMRAN'

Dalam *Muqaddimah* Kitab Pertama Bab Pertama dan Bab kedua, Ibn Khaldun telah mengulangi perkataan '*Umran*' lebih daripada lima belas

kali, termasuk tajuk-tajuk besar bagi setiap bab yang dinyatakan itu. Berikut adalah sebahagian daripada yang dipetik dari *Muqaddimah*:

(1) *Tabi'at al-'Umrān fi al-Khāliqah*, (2) *al-'Umrān al-basyari 'ala al-jumlāh*, (3) *'Umrān al-'Alam*, (4) *Taba'i al-'Umrān* (5) *Taba'i al-ahwāl fi al-'Umrān* (6) *al-ijtimā' al-basyari wa al-ijtimā' al-insāni*, (9) *anna al-Zulm Mu'zin bi-kharab al-Umranal-'Umran*, (10) *al-Muhāfazah 'alā al-'Umran*, (11) *Min ahwal al-'Umran*, (12) *al-'Umran al-Badwi*, (13) *al-'Umrān al-hadari*, (14) *al-Sana'i wa al-kasb min haithu al-'Umran*, (15) *al-'Umrān min al-ardi*, (16) *Aradallah min takwīnat al-hayāwānat fihā wa 'umrāniha bi al-naui 'al-basyari*.

Daripada petikan-petikan itu tadi ternyata sekali bahawa istilah "*Umrān*" merujuk kepada dua makna: pertama 'masyarakat' dan kedua 'tamadun'. Dan masyarakat itu pula dibahagikan kepada dua kelompok: yang mundur (masyarakat Badwi) dan yang maju (*Hadari*). Masyarakat *hadari* tinggal di kawasan desa (*madar*), kampung (qaryah/qura), bandar (madinah/mudun), kota/ibu kota (mis/amsār), negeri/negara (balad/buldān) dan dunia ('alam). Begitu jugalah tamadun, mempunyai peringkat-peringkat sepertimana juga masyarakat, dan ia berkembang dari sekecil-kecilnya hinggalah sebesar-besarnya iaitu peradaban dan tamadun dunia. Masyarakat dan tamadun yang bersifat global ini lebih dikenali dalam istilah modennya sebagai 'global village'.

## CIRI-CIRI MASYARAKAT 'UMRAN

Ibn Khaldun telah menggariskan ciri-ciri masyarakat '*Umrani* kepada lapan ciri: **Pertama**, ilmu sejarah dan peristiwa-peristiwa sejarah. Sejarah (*tarikh*) ditakrifkan sebagai 'tindak tanduk manusia' tentang keinginannya untuk berinteraksi dengan masyarakat di sekelilingnya sebagai satu sifat semulajadi sejak dilahirkan. **Kedua**, sifat kerjasama (*ta'awun*). Sewaktu kanak-kanak lagi ia memerlukan belai dan kasih sayang ibunya. Apabila dewasa, ia berinteraksi dan memerlukan kerjasama dan pertolongan daripada masyarakat dan alam yang lebih luas. Tujuannya adalah untuk mendapat keperluan dan kepuasan hidup. Manusia memerlukan makan

dan minum untuk hidup. Untuk mendapatkan keperluan-keperluan itu manusia terpaksa berikhtiar dan berusaha serta bekerjasama dengan anggota-anggota masyarakat di sekelilingnya. Sebagai contoh, untuk mendapatkan bahan makanan seperti roti memerlukan usaha pertanian terlebih dahulu bagi menghasilkan gandum. Setelah itu gandum digiling dan diuli dan kemudiannya dibakar untuk dijadikan roti. Kemudian barulah dipasarkan. Setiap peringkat yang dinyatakan tadi sudah pasti memerlukan usaha, tenaga, serta kemahiran dan peralatan yang mencukupi untuk menghasilkan bahan makanan berkenaan. Seorang manusia sahaja sudah pasti tidak akan mampu melakukan segala keperluan tersebut tanpa kerjasama orang lain. Kerja-kerja pertanian dilakukan oleh kaum tani yang tinggal di desa; peralatan pertanian seperti cangkul, bajak atau mesin diusahakan oleh pekilang-pekilang atau pengusaha-pengusaha yang tinggal di bandar atau kota. Justeru, kerjasama antara petani, pekilang dan pengusaha bagi menghasilkan bahan makanan atau apa juga keperluan-keperluan hidup yang lain sangatlah diperlukan. **Ketiga**, masyarakat 'Umran harus dibina dari bawah masyarakat yang kecil dan lemah sehingga menjadi sebuah masyarakat besar dan bertamadun. Masyarakat yang maju dan bertamadun lebih mudah menerima perubahan. Dengan perubahan inilah yang mencetuskan ketamadunan dan kemakmuran. **Keempat**, untuk melahirkan masyarakat 'Umran memerlukan usaha pertanian, perkilangan dan perdagangan bagi menghasilkan bahan-bahan makanan dan keperluan hidup yang lain. **Kelima**, ilmu pengehtahuan usaha-usaha pertanian, perkilangan dan perdagangan tidak dapat dilakukan. **Keenam**, pemilihan tempat atau lokasi masyarakat 'Umran mestilah sesuai. Misalnya kawasan itu berair atau mempunyai sumber air seperti sungai, udaranya yang bersih dan mempunyai banyak kemudahan termasuk aspek pertahanan. **Ketujuh**, mempunyai pemerintahan yang kuat dan adil bagi memelihara keadilan, kesejahteraan dan pelaksanaan undang-undang dan perlembagaan. Dan **kelapan**, undang-undang perlembagaan negara mestilah didasarkan undang-undang syariah bagi tujuan kebaikan di dunia dan akhirat.<sup>33</sup> Dan asas kepada 'Umran ialah keadilan (*al-'adl*) dan kesemua ciri 'Umran di atas adalah berasaskan keadilan. Sesebuah kerajaan baik dan kuat didirikan atas asas keadilan. Dan keadilan ini berteraskan undang-undang syariah yang dijaga dan

dipelihara oleh seorang pemerintah yang adil, jika berlaku sebaliknya pemerintahan dan peradabannya akan musnah,<sup>34</sup> berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an yang bermaksud. "Dan Tuhanmu tidak memusnahkan kota-kota (*al-qura*) secara zalim sedangkan penduduknya berbuat kebaikan".<sup>35</sup>

## KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa istilah 'Masyarakat Madani' adalah diterjemahkan langsung daripada istilah '*civil society*' ciptaan orang Yunani yang digunapakai oleh masyarakat Barat sehingga hari ini. *Civil society* mempunyai ciri kehidupan bebentuk fizikal atau sekular berbeza dengan kehidupan masyarakat Islam atau apa yang diistilahkan oleh Ibn Khaldun sebagai 'masyarakat Umrani'. Masyarakat 'Umrani' mempunyai ciri-ciri kehidupan yang bersepadu merangkumi aspek fizikal dan spiritual serta mempunyai peradaban yang unggul dan taraf insaniah yang luhur serta pemerintahan yang berlandaskan keadilan dengan mempritikkan syariah Islam untuk menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan manusia di dunia dan di akhirat. Bagi melahirkan sebuah Masyarakat 'Umrani' memerlukan komitmen (iltizam) daripada setiap individu dalam masyarakat menerusi kerjasama dan kemufakatan. Manusia memerlukan kerjasama dan kemufakatan tersebut sebagai sifat semulajadi bagi mendapatkan keperluan, khususnya dari aspek ekonomi. Di sinilah berlaku titik pertemuan antara sarjana Islam seperti Ibn Khaldun dengan ahli-ahli falsafah Yunani. Dengan sebab itulah Ibn Khaldun meminjam istilah '*Madani*' (*civil*) bagi menjelaskan keperluan manusia dari segi ekonomi. Akan tetapi masyarakat yang benar-benar bertamadun tidak cukup dengan kekayaan ekonomi semata-mata, tetapi ia memerlukan kekuatan politik, moral dan agama. Bagi menjelaskan perkara ini beliau mencipta istilah baru yang dikenali sebagai '*Umrani*' atau 'Masyarakat 'Umrani' sepertimana yang dijelaskan maknanya di atas. Tujuannya tidak lain ialah untuk membezakan antara 'Masyarakat Madani' yang bersifat sekular dengan 'Masyarakat 'Umrani' yang beracuan Islam.

Dalam sesebuah masyarakat majmuk seperti di Malaysia, konsep masyarakat '*Umrani*' yang diajukan oleh Ibn Khaldun amatlah tepat dan sesuai untuk dilaksanakan kerana ia beroerintasikan keadilan sosial dan

kerjasama, termasuk kebebasan beragama, keunggulan akhlak dan moral di kalangan masyarakat. Sepertimana yang diketahui, konsep keadilan dan toleransi adalah salah satu ciri utama dalam masyarakat Islam yang dibina oleh Nabi Muhammad s.a.w. Masyarakat yang adil an toleran adalah masyarakat yang bermoral, berilmu, berfikiran waras serta mempunyai siyasah yang betul. Walaupun undang-undang syariah sudah lengkap dan sempurna, akan tetapi jika perlaksanaannya tidak waras dan tidak betul akan melahirkan masyarakat 'Umrani runtuh. Kezaliman adalah salah satu punca keruntuhan itu.

## NOTA

- <sup>1</sup> Lihat *Buliten Batuġa*, Bil.8 Rejab 1418/November 1997, m.s. 14-15 MASSA, 14 Mac 1998, 9, 16 Mei 1998; *Masyarakat Madani, Satu Tinjauan Awal*, Institut Strategi Pembangunan Malaysia (Minds), Selangor, 1998.
- <sup>2</sup> *Utusan*, 'Polemik' Makna Madani', Jumaat 12 Jun 1998.
- <sup>3</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 'Masyarakat Madani Malaysia, Suatu Gagasan', dalam *Masyarakat Madani, Satu Tinjauan Awal*, Institut Strategi Pembangunan Malaysia (Minds), Ras Grafik, 1998 m.s. 15.
- <sup>4</sup> *Ibid*, m.s. 16.
- <sup>5</sup> Keterangan lanjut mengenai makna 'din', lihat *Mu'jam al-Wasit*, disunting oleh Abdul Salam Harun, Majma 'al-Lughah al-'Arabiyah, Kaherah, 1960, Jilid 1, m.s. 306-307.
- <sup>6</sup> Al-Attas, *op.cit*, m.s. 15-28.
- <sup>7</sup> lihat Dr. Faisal Hj. Othman, 'Masyarakat Madani Malaysia: Asas dan Strategi' dlm. *Masyarakat Madani Satu Tinjauan Awal* Institut Strategi Pembangunan Malaysia (Minds), Selangor 1998, m.s. 187-196.
- <sup>8</sup> 'Civil' memberi maksud kota atau bandar yang bersifat sekular (Syed Muhamad Naquib al-Attas, *op.cit*, m.s. 16). Istilah 'Civil Society' pernah digunakan oleh Dato' Seri Anuar Ibrahim di dalam salah satu ucapannya di Festival Istiqlal, Jakarta pada 26 September 1995 berjudul 'Islam dan Pembentukan Masyarakat Madani' (*Ibid*. m.s.9).
- <sup>9</sup> al-Qur'an, Surah al-Kafirun 109:6.
- <sup>10</sup> Saiyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, Dar al-'Arabiyah, Beirut, Lubnan, t.t Jilid 8, m.s 270-274.
- <sup>11</sup> al-Qur'an, Ali 'Imran 3:19.
- <sup>12</sup> Lihat Anis Ahmad, 'Reorientation of Islamic History: Some Methodological Issues', dlm. *Islam Source and Purpose of Knowledge*, The International Institute of Islamic Thought, Herndon, Virginia, U.S.A. m.s. 299-keterangan lanjut mengenai perkataan *din*, Lihat Mahayuddin Hj. Yahya, sirah *Nabi Muhammad s.a.w. (Zaman Makkah)*, DBP, 1993, m.s. 112-113.
- <sup>13</sup> Pengertian yang lebih luas tentang makna bandar/kota dari segi kependudukannya ialah ia mempunyai lebih ramai penduduk dari penduduk dari penduduk desa (lihat Muhammad Ismail Ibrahim, *Qamus al-Alfaz wa al-'alam al-Qur'aniyah* dar al-Fikr al-'Arabi, 1961, m.s. 303.

- <sup>14</sup> Abu Mansur, Muhammad bin Ahmad, al-Azhari, *Tahdhib al-Lughah*, al-Dar al-Misriyyah, Kaherah, Jilid 14, m.s. 145.
- <sup>15</sup> *Mu'jam al-Wasit*, jilid 14, m.s. 145.
- <sup>16</sup> Hans Wehr, *A Dictionary of Modern Writing Arabic*, edited by J. Milton Cowan, Otto Harrassowitz, Wiesbaden, 1971.
- <sup>17</sup> A.D Lindsay (tran.), *Plato's Republic*, Everyman's Library, Dutton: New York, m.s 47.
- <sup>18</sup> Ensiklopedia Malaysiana, Edisi 1996; Jilid 2, Anzagian. Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, m.s. 15.
- <sup>19</sup> Ibn. 'Ammar al-Saghir, *al-Ta'fkir al-'Inda Ibn Khaldun*, al-Syarikah al-Wataniyah Li al-Nasyr Wa al-Tawzi', Al-geria 1969, m.s. 75.
- <sup>20</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, m.s 33.
- <sup>21</sup> Yang membezakan antara *madani* dengan *madaniyy* ialah *syahaddah*; jika merujuk kepada Madinah al-Nabi maka disebut *madaniyy*; sebagai contoh ayat *madaniyyah*; jika merujuk kepada bandar/kota (dalam bentuk umum) disebut *madani* (perbezaan antara *madani* dengan *madaniyy* telah dinyatakan dalam kamus *tahdhib al-Lughah* oleh Abu Mansur al-Azhari (282-370H).
- <sup>22</sup> Mahayudin Hj. Yahya, *Pengertian Sejarah Islam dan permasalahannya*. Sarjana Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, ms. 7, Abu Hasan Ali Nadawi *Islam and The World*, Sh. Muhammad Ashraf, Kashmir Bazar Lahore, 1973, m.s. 111-115.
- <sup>23</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, m.s. 33.
- <sup>24</sup> Sebagai contoh, lihat *Muqaddimah*, Fasal 31, m.s 441.
- <sup>25</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah* m.s. 27.
- <sup>26</sup> Lihat Mustafa al-Shak'ah, al-Usus al-Islamiyah fi Fikr Ibn Khaldun wa Nazariyatuhu, al-Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah, al-Tab'ah al-Thaniyah, Kaherah, 1998, m.s. 78.
- <sup>27</sup> *al-Mu'jam al-Wasit*, Jilid 2, m.s 632-633; Hans Wehr, *op.cit* m.s. 643.
- <sup>28</sup> Al-Qur'an, surah al-Rum 30:9; Abu Naser al-Farabi, *al-Madinah al-Fadilah*, Albert Nasri Nadir (pyt.), Dar al-Mashriq, Beirut, 1968, m.s 117-119; keterangan lanjut sila lihat Idris Zakaria, *Teori Politik al-Farabi*, DBP, 1991, m.s. 33-74.
- <sup>29</sup> Idris Zakaria, *op. Cit*, m.s. xiv.
- <sup>30</sup> Ibn Khaldun atau nama sebenarnya Abdul Rahman Bin Muhammad adalah ahli sosiologi yang terkenal dan dilahirkan di Tunisia pada 732H. (1332 M)

dan meninggal dunia di Mesir pada 806 H. (1406 M). beliau mendapat pendidikan asas agama menerusi al-Quran, hadis dan fikah. Beliau telah menjelajah ke beberapa buah negeri seperti Maghribi, Sepanyol (Andalus) dan Mesir. Beliau pernah dilantik menjadi *hajib* (menyamai taraf Perdana Menteri) menjadi Hakim Mahkamah Raja dan pernah menjadi pensyarah Universiti al-Azhar. Pendek kata, beliau mempunyai pengalaman yang sangat luas dalam bidang agama, politik dan ilmu sains sosial. Di antara murid-murid beliau termasuklah para ulama seperti Ibn Hajar al-'Asqalani dan sejarawan seperti Taqiuddin al-Maqrizi.

<sup>31</sup> Keterangan lanjut lihat Mahayudin: Hj. Yahya, Sorotan Konsep Ilmu Mengikut Pandangan Sarjana-Sarjana Muslim Silam: Teori Dan Kaedah', *Kesturi*, Jilid 2, Bil 2 Disember 1992, Jurnal Akademi Sains Islam Malaysia (ASASZ), m.s. 12-53.

<sup>32</sup> Lihat *Muqaddimah*, m.s 27-35.

<sup>33</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, m.s. 151; al-Shak'ah, *op.cit*, m.s. 68-69.

<sup>34</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, 223-226; *al-Mu'jam al-wasit*, Jilid 2, m.s. 633

<sup>35</sup> Al-Quran, surah fussilat: 46, lihat juga Ali Imran: 182; al-Hajj: 10.

## RUJUKAN

- Abd al-Sallam Harun (pyt.), *al-Mu'jam al-Wasit*, 2 jilid, Majma' al-Lughah al-'Arabiyah, Mesir 1960-1961
- Abu Mansur Muhammad bin Ahmad al-Azhari (282-370H), *Tahdhib al-Lughah*, Jilid 14, al-Dar al-Misriyah Li al-Ta'lif wa al-Tarjumah, Kaherah, t.t.
- Abu Hassan 'Ali Nadawi, *Islam and the World* Sh. Muhammad Ashraf, Kashmiri Bazar, Lahore, 1973.
- Ahmadie Thoha, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, (terjemahan) Pustaka Firdaus, Jakarta, 1986
- Al-Farabi, *Kitab Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah*, disunting oleh Albert Nasri Nadri, Dar al-Mashiriq, Beirut, 1968.
- Anis Ahmad, "Reorientation of Islamic History: Some Methodological Issues", *Islam: Source and Purpose of Knowledge*, Proceedings and selected papers of Second Conference on Islamization of Knowledge, 1402 AH/ 1982 AC. International Institute of Islamic Thought, Herndon, Virginia; U.S.A.
- Charles Issawi, M.A., *An Arab Philosophy of History*, selections from the Prolegomena of Ibn Khaldun of Tunis (1332-1406) translated and arranged by Charles Issawi M.A. John Murray, Albemarle Street London, Fourth Impression 1963.
- Fakh al-Din al-Tarihi (m. 1985H), *Majma' al-Bahrain* disunting oleh Ahmad al-Husaini, Jilid 6, Muassasah al-Wafa', Beirut, t.t.
- Ibn Ammar al-Saghir, *al-Ta'fikir Ta'fikir al-'ilmi 'inda Ibn Khaldun*, al-Syarikah al-Wataniyah li al-Nasyr Wa al-Tawzir', 'Iraq, 1976.
- Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, Dar al-Kutub al'Ilmiah, Beirut Lubnan 1993.
- Idris Zakaria, *Teori Politik al-Farabi*, DBP, 1991
- Lindsay, A.D., *Plato's Republic* (translated), Every Man's Library, Dutton: New York, 1964
- Mahayudin Hj. Yahaya, *Sirah Nabi Muhammad s.a.w. (Zaman Makkah)*, DBP, 1993.
- MASSA, 14 Mac, 9 Mei 1998.
- Masyarakat Madani: Satu Tinjauan Awal*, Institut Strategi Pembangunan Malaysia (Minds), Selangor, 1998.

Mohammad Abdullah Enan, *Ibn Khaldun His Life and Work*, Kitab Bhawan, New Delhi, 1979.

Muhammad Ismail Ibrahim, *Qamus al-Alfaz Wa al' 'Alam al-Qur'aniyyah*, Dar al-Fikir al-Arabi, Cetakan Pertama, Kaherah, 1961.

Tk. H. Ismail Yaqub, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Bhg. Pertama (terjemahan), Pustakma Nasional, Singapura, 1983.

*Utusan Malaysia*, 12 Jun 1998.

Yusuf Ali, A. *The Holy Qur'an Text, Translation and Commentary*, Dar al-'Arabiyyah, Beirut, 1968.